

# BAB 3

## DEMOGRAFI SOSIAL

PENDUDUK

KELAHIRAN

KESUBURAN

KEMATIAN

JANGKAAN HAYAT

TENAGA BURUH

GAJI & UPAH

STATISTIK SISWAZAH

PENDAPATAN DAN  
PERBELANJAAN PENGGUNAAN  
ISI RUMAH





# Bab 03 | DEMOGRAFI SOSIAL

## PENDUDUK

### Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk

Penduduk Pulau Pinang meningkat daripada 1.740 juta pada tahun 2021 kepada 1.741 juta pada 2022 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 0.1 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada 2022 ialah 92.4 peratus daripada keseluruhan penduduk Pulau Pinang.

**Jadual 3.1** Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Pulau Pinang, 2021-2022

Penduduk	2021	2022	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)
Bilangan penduduk ('000)	1,740.0	1,741.0	0.1

### Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Pada tahun 2022, umur muda mencatatkan penurunan kepada 19.3 peratus (2021: 19.7%) manakala kumpulan umur bekerja dan umur tua masing-masing mencatatkan peningkatan kepada 73.3 peratus (2021: 73.2%) dan 7.4 peratus (2021: 7.0%).

**Jadual 3.2** Struktur umur penduduk, Pulau Pinang, 2021-2022

Kumpulan umur (%)	2021	2022
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	19.7	19.3
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	73.2	73.3
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	7.0	7.4

**1.74 juta**  
Penduduk  
Pulau Pinang,  
2022

**Warganegara**  
92.4% (2022)  
92.3% (2021)

**Bukan Warganegara**  
7.6% (2022)  
7.7% (2021)



**26.4**

 Nisbah tanggungan  
umur muda,  
2022

**Nisbah Jantina**

105 Lelaki : 100 Perempuan

**10.1**

 Nisbah tanggungan  
umur tua,  
2022

### Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk Pulau Pinang kekal dari tahun 2021 hingga 2022 iaitu 105 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

### Nisbah tanggungan

Jumlah nisbah tanggungan penduduk Pulau Pinang bagi tempoh 2021 hingga 2022 kekal sama iaitu 36.5. Nisbah tanggungan umur tua menunjukkan trend meningkat daripada 9.6 pada tahun 2021 kepada 10.1 pada tahun 2022. Nisbah tanggungan umur muda menurun kepada 26.4 pada tahun 2022 berbanding 26.9 pada tahun 2021.

**Jadual 3.3** Nisbah tanggungan, Pulau Pinang, 2021-2022

Nisbah tanggungan	2021	2022
Umur muda	26.9	26.4
Umur tua	9.6	10.1
<b>Jumlah</b>	<b>36.5</b>	<b>36.5</b>

### Kumpulan etnik warganegara

Pada tahun 2022, peratusan Bumiputera mencatatkan peningkatan kepada 45.2 peratus (2021: 45.0%). Peratusan Cina menunjukkan menurun daripada 44.7 peratus pada tahun 2021 kepada 44.5 peratus pada tahun 2022 manakala peratusan India dan etnik Lain masing-masing mencatat 9.6 peratus dan 0.6 peratus daripada keseluruhan warganegara di Pulau Pinang.

**Jadual 3.4** Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Pulau Pinang, 2021-2022


Kumpulan etnik warganegara Pulau Pinang (%)	2021	2022
Bumiputera	45.0	45.2
Cina	44.7	44.5
India	9.7	9.6
Etnik Lain	0.6	0.6

### Penduduk mengikut daerah pentadbiran

Timur Laut merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi pada tahun 2021 berbanding empat daerah pentadbiran yang lain dengan jumlah penduduk pada 2021 sebanyak 553.6 ribu diikuti daerah Seberang Perai Tengah (421.6 ribu) dan Seberang Perai Utara (339.8 ribu). Daerah Timur Laut mencatatkan bilangan penduduk tertinggi bagi lelaki dan perempuan pada 2021 iaitu masing-masing 281.0 ribu dan 272.6 ribu.




**Carta 3.1 Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Pulau Pinang, 2021**



“  
**553.6 ribu**  
 Timur Laut mencatatkan bilangan penduduk tertinggi, 2021  
 ”



**Paparan 3.1 Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Pulau Pinang, 2021 ('000)**



“  
**186.5 ribu**  
 Seberang Perai Selatan mencatatkan bilangan penduduk terendah, 2021  
 ”

Nota:

1. Anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.
2. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.

## KELAHIRAN HIDUP

**10.7**  
Kadar kelahiran kasar bagi setiap 1,000 penduduk, 2021




**16.2**  
Bumiputera  
Kadar kelahiran kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2021

### Kadar kelahiran kasar

Kadar kelahiran kasar di Pulau Pinang merekodkan penurunan daripada 11.3 pada 2020 kepada 10.7 pada 2021 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2021 turut menunjukkan penurunan berbanding 2020 iaitu masing-masing daripada 11.4 kepada 10.7 dan 11.2 kepada 10.7 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.

**Carta 3.2** Kadar kelahiran kasar, Pulau Pinang, 2011-2021



### Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera merekodkan kadar kelahiran kasar tertinggi pada tahun 2021 iaitu 16.2 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk, manakala etnik Cina merekodkan kadar terendah iaitu 6.2 kelahiran. Kadar kelahiran kasar bagi etnik India dan etnik Lain pada tahun 2021 masing-masing adalah 9.9 dan 6.4 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.

**Jadual 3.5** Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Pulau Pinang, 2015-2021 (setiap 1,000 penduduk)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Bumiputera	17.6	17.4	17.2	16.7	15.9	16.5	16.2
Cina	10.0	9.3	8.8	8.0	7.9	7.0	6.2
India	11.7	11.3	10.9	10.2	9.9	10.6	9.9
Etnik lain <sup>1</sup>	7.5	7.5	6.6	6.3	6.9	7.7	6.4


<sup>1</sup>Termasuk bukan warganegara



### Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran

Daerah Seberang Perai Tengah merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 4,661 kelahiran, manakala yang terendah direkodkan di Seberang Perai Selatan iaitu 2,612 kelahiran. Kadar kelahiran kasar tertinggi direkodkan di Seberang Perai Selatan dengan 13.4 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk, manakala yang terendah direkodkan di Timur Laut iaitu 6.6 kelahiran.

**Paparan 3.2** Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Pulau Pinang, 2021 (kadar bagi setiap 1,000 penduduk)



**4,661**  
Seberang Perai Tengah merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi, 2021



**13.4**  
Seberang Perai Selatan merekodkan kadar kelahiran kasar tertinggi, 2021

## KESUBURAN

**1.2 bayi**  
Kadar kesuburan jumlah bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2021




**1.7 bayi Bumiputera**  
Kadar kesuburan tertinggi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2021

### Kadar kesuburan jumlah

Kadar kesuburan jumlah bagi Pulau Pinang menunjukkan penurunan daripada 1.3 bayi pada 2020 kepada 1.2 bayi pada 2021 bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun. Carta 3.3 menunjukkan kadar kesuburan jumlah bagi Pulau Pinang berada di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 bayi bagi setiap wanita berumur reproduktif (15-49 tahun).

**Carta 3.3** Kadar kesuburan jumlah, Pulau Pinang, 2011-2021



### Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Kadar kesuburan jumlah bagi semua etnik merekodkan penurunan pada tahun 2021 berbanding 2020 kecuali Bumiputera yang kekal pada tahun 2021. Bumiputera merekodkan kadar kesuburan jumlah tertinggi iaitu 1.7 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, manakala kadar terendah direkodkan oleh etnik Lain iaitu 0.7 bayi.

**Jadual 3.6** Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Pulau Pinang, 2015-2021 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Bumiputera	2.0	1.9	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7
Cina	1.3	1.2	1.2	1.1	1.1	1.0	0.8
India	1.5	1.4	1.3	1.2	1.2	1.3	1.2
Etnik Lain <sup>1</sup>	0.7	0.6	0.6	0.5	0.5	0.9	0.7

<sup>1</sup>Termasuk bukan warganegara




## KEMATIAN

### Bilangan dan kadar kematian kasar

Bilangan kematian di Pulau Pinang direkodkan sebanyak 13,978 kematian pada tahun 2021 meningkat 30.6 peratus berbanding kematian pada tahun 2020 (10,701 kematian). Kadar kematian kasar adalah 8.0 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2020: 6.1 kematian).

**8.0 kematian**  
 Bagi tempoh 2011-2021, kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk adalah pada tahun 2021.

**Carta 3.4** Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Pulau Pinang, 2011-2021 (setiap 1,000 penduduk)



**Jumlah Kematian**

- Lelaki: 7,781 (55.7%)
- Perempuan: 6,197 (44.3%)

**Jadual 3.7** Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Pulau Pinang, 2015-2021 (setiap 1,000 penduduk)


Kematian	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Jumlah kematian	10,226	10,729	10,727	11,209	10,879	10,701	13,978
Kadar kematian kasar (Lelaki)	6.8	7.1	6.8	7.1	6.9	6.8	8.7
Kadar kematian kasar (Perempuan)	5.3	5.4	5.5	5.6	5.4	5.5	7.3

**5.4 kematian**  
 Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2021

### Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada tahun 2021 adalah 5.4 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup, meningkat 0.2 mata berbanding 5.2 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2020.

**Carta 3.5** Kadar kematian bayi, Pulau Pinang, 2011-2021






**13.4 kematian**  
 Nisbah mortaliti ibu bersalin terendah, 2011 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup dalam tempoh 2011-2021



### Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2021 meningkat kepada 107.7 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup berbanding 35.6 kematian pada tahun 2020.

**Carta 3.6** Nisbah mortaliti ibu bersalin, Pulau Pinang, 2011-2021



**11.9 kematian India**  
 Kadar kematian tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2021

### Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Etnik India merekodkan kadar kematian kasar tertinggi iaitu 11.9 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2021, manakala etnik Lain merekodkan kadar terendah iaitu 2.6 kematian. Kadar kematian kasar bagi Bumiputera dan etnik Cina pada tahun 2021 masing-masing adalah 6.9 dan 9.4 bagi setiap 1,000 penduduk.

**Jadual 3.8** Kadar kematian kasar mengikut etnik, Pulau Pinang, 2015-2021 (setiap 1,000 penduduk)

Etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Bumiputera	5.2	5.4	5.5	5.5	5.2	5.3	6.9
Cina	7.5	7.8	7.5	7.9	7.7	7.4	9.4
India	7.6	8.0	8.3	8.7	8.6	9.0	11.9
Etnik Lain <sup>1</sup>	1.3	1.3	1.1	1.1	1.2	1.1	2.6


<sup>1</sup>Termasuk bukan warganegara

### Sebab kematian utama (disahkan secara perubatan)

COVID-19 infection merupakan sebab kematian utama yang mencatatkan peratusan kematian tertinggi pada tahun 2021 iaitu 1,761 kematian (18.1%). Ini diikuti oleh penyakit jantung iskemia dan radang paru-paru iaitu masing-masing 15.4 peratus dan 12.2 peratus.



**Paparan 3.3** Tiga sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, Pulau Pinang, 2021



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.


**COVID-19 infection**  
Sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan mencatatkan peratusan tertinggi pada 2021

**Sebab kematian utama (tidak disahkan secara perubatan)**

Tiga sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan pada tahun 2021 adalah sakit tua (65 tahun dan lebih) iaitu 2,505 kematian (59.1%) yang melibatkan 53.0 peratus lelaki dan 64.4 peratus perempuan. Ini diikuti oleh darah tinggi dan kencing manis dengan masing-masing 8.0 peratus dan 3.5 peratus.



**Paparan 3.4** Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, Pulau Pinang, 2021



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.

**Sakit tua**  
Sebab kematian utama tidak disahkan mencatatkan peratusan tertinggi pada 2021

**Bilangan dan kadar kematian kasar mengikut daerah pentadbiran**


Daerah Timur Laut mencatatkan bilangan kematian tertinggi pada tahun 2021 iaitu 5,139 kematian manakala daerah Seberang Perai Selatan mencatatkan bilangan kematian terendah iaitu 1,498 kematian. Namun begitu, kadar kematian kasar tertinggi direkodkan di Timur Laut iaitu 9.0 kematian bagi setiap 1,000 penduduk manakala kadar terendah dicatatkan di Seberang Perai Tengah pada kadar 6.8 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

**Paparan 3.5** Bilangan dan kadar kematian kasar mengikut daerah pentadbiran, Pulau Pinang, 2021

**9.0**  
Timur Laut mencatatkan kadar kematian kasar tertinggi, 2021



**70.9 tahun**  
Jangkaan hayat ketika lahir bayi lelaki pada tahun 2022




**JANGKAAN HAYAT**

**Jangkaan hayat ketika lahir**

Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2022 di Pulau Pinang dijangka hidup lebih lama sehingga 75.8 tahun berbanding dengan seorang bayi lelaki yang dijangka hidup sehingga 70.9 tahun.

Bagi tempoh 2017 sehingga 2019, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki meningkat 0.6 tahun dan perempuan meningkat 0.5 tahun. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2020 hingga 2022, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki menurun 1.1 tahun dan perempuan menurun 0.9 tahun. Penurunan jangkaan hayat bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah disumbangkan oleh peningkatan lebih kematian semasa pandemik COVID-19.

**Paparan 3.6** Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Pulau Pinang, 2017-2022



<sup>p</sup> Permulaan  
<sup>e</sup> Anggaran

2017-2019 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010  
2020-2022 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020




### Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2022 dijangka hidup, masing-masing selama 56.4 tahun dan 61.2 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga umur 71.4 tahun manakala perempuan dijangka hidup sehingga 76.2 tahun.

**61.2 tahun lagi**  
Perempuan yang berumur 15 tahun pada 2022 dijangka hidup

**Paparan 3.7** Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Pulau Pinang, 2017-2022



<sup>p</sup> Permulaan  
<sup>e</sup> Anggaran  
2017-2019 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010  
2020-2022 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020




### Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun masing-masing dijangka hidup selama 13.0 tahun dan 15.2 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup sehingga umur 78.0 tahun manakala perempuan sehingga 80.2 tahun.

**13.0 tahun lagi**  
Lelaki yang berumur 65 tahun pada 2022 dijangka hidup

Bagi tempoh 2017 sehingga 2022, perbezaan jangkaan hayat pada umur 65 tahun antara lelaki dan perempuan adalah di antara 2.2 hingga 2.5 tahun.

**Paparan 3.8** Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Pulau Pinang, 2017-2022



<sup>p</sup> Permulaan  
<sup>e</sup> Anggaran  
2017-2019 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010  
2020-2022 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020




# TENAGA BURUH

**898.6** ribu  
Tenaga  
buruh di  
**Pulau Pinang, 2022**

## Tenaga Buruh

Pada tahun 2022, tenaga buruh di Pulau Pinang meningkat 1.0 peratus berbanding tahun sebelumnya (2021: 3.0%). Sejumlah 898.6 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2022 berbanding 889.5 ribu orang pada tahun 2021. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja meningkat kepada 873.9 ribu orang pada tahun 2022 daripada 857.2 ribu orang pada tahun 2021.

**Carta 3.7** Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Pulau Pinang, 2010-2022



**873.9** ribu  
Bilangan penduduk  
bekerja,  
2022

## Penduduk bekerja

Kategori pekerja perkhidmatan & jualan mendominasi penduduk bekerja di Pulau Pinang dengan peratus sumbangan sebanyak 22.6 peratus pada tahun 2022. Ini diikuti oleh kategori operator mesin & loji dan pemasang dan kategori pekerja juruteknik & profesional bersekutu dengan peratus sumbangan sebanyak 16.8 peratus dan 13.5 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 35.2 peratus daripada keseluruhan pekerja di Pulau Pinang.





**Jadual 3.9** Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Pulau Pinang, 2016-2022

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)						
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Pengurus	48.6	46.6	43.8	51.3	57.8	71.2	46.5
Profesional	111.3	110.5	118.9	126.0	133.1	109.5	143.4
Juruteknik & profesional bersekutu	107.0	117.7	110.8	101.8	110.2	129.7	118.1
Pekerja sokongan perkeranian	84.8	74.0	84.7	82.1	93.1	102.4	90.4
Pekerja perkhidmatan & jualan	162.0	164.6	162.1	161.5	161.9	167.4	197.6
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	9.1	8.7	9.5	11.4	11.4	5.3	7.9
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	83.7	76.6	74.9	70.7	54.8	61.7	62.5
Operator mesin & loji dan pemasangan	154.2	165.4	162.1	168.2	149.9	143.2	147.1
Pekerja asas	66.5	59.6	64.1	62.5	60.8	66.8	60.3
<b>Jumlah</b>	<b>827.4</b>	<b>823.8</b>	<b>830.8</b>	<b>835.6</b>	<b>832.9</b>	<b>857.2</b>	<b>873.9</b>

**308.0** ribu  
Bilangan pekerja mahir, 2022



Kategori pekerjaan	Komposisi (%)						
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Pengurus	5.9	5.7	5.3	6.1	6.9	8.3	5.3
Profesional	13.5	13.4	14.3	15.1	16.0	12.8	16.4
Juruteknik & profesional bersekutu	12.9	14.3	13.3	12.2	13.2	15.1	13.5
Pekerja sokongan perkeranian	10.2	9.0	10.2	9.8	11.2	11.9	10.3
Pekerja perkhidmatan & jualan	19.6	20.0	19.5	19.3	19.4	19.5	22.6
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	1.1	1.1	1.1	1.4	1.4	0.6	0.9
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	10.1	9.3	9.0	8.5	6.6	7.2	7.2
Operator mesin & loji dan pemasangan	18.6	20.1	19.5	20.1	18.0	16.7	16.8
Pekerja asas	8.0	7.2	7.7	7.5	7.3	7.8	6.9
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

**22.6%**  
Pekerja perkhidmatan dan jualan catat peratusan tertinggi, 2022

Seramai 500.4 ribu orang pekerja (57.3%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2022 dan diikuti oleh sektor Pembuatan yang merangkumi 304.0 ribu orang (34.8%), Pembinaan (52.4 ribu; 6.0%) dan Pertanian (14.4 ribu; 1.6%). Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 2.8 ribu orang (0.3%).

**Jadual 3.10** Penduduk bekerja mengikut sektor, Pulau Pinang, 2016-2022

Sektor	Bilangan ('000)						
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Pertanian	10.5	10.3	13.0	11.6	13.9	17.5	14.4
Perlombongan dan pengkuarian	0.1	0.4	0.5	1.0	1.2	1.4	2.8
Pembuatan	272.5	299.9	286.7	301.7	299.3	299.2	304.0
Pembinaan	61.3	48.6	56.7	50.8	44.4	55.9	52.4
Perkhidmatan	482.8	464.7	473.8	470.5	474.0	483.2	500.4
<b>Jumlah</b>	<b>827.4</b>	<b>823.8</b>	<b>830.8</b>	<b>835.6</b>	<b>832.9</b>	<b>857.2</b>	<b>873.9</b>

Sektor	Komposisi (%)						
	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Pertanian	1.3	1.3	1.6	1.4	1.7	2.0	1.6
Perlombongan dan pengkuarian	0.0	0.0	0.1	0.1	0.1	0.2	0.3
Pembuatan	32.9	36.4	34.5	36.1	35.9	34.9	34.8
Pembinaan	7.4	5.9	6.8	6.1	5.3	6.5	6.0
Perkhidmatan	58.4	56.4	57.0	56.3	56.9	56.4	57.3
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

**500.4** ribu  
Pekerja tertumpu pada sektor **Perkhidmatan**, 2022

**2.8** ribu  
Sektor **Perlombongan dan pengkuarian** Bilangan pekerja terendah, 2022

**70.3%**  
Kadar penyertaan tenaga buruh di **Pulau Pinang**, 2022

**Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran**

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Pulau Pinang meningkat 0.6 mata peratus daripada 69.7 peratus pada tahun 2021 kepada 70.3 peratus pada tahun 2022. Begitu juga, kadar pengangguran di Pulau Pinang menurun 0.8 mata peratus kepada 2.8 peratus pada tahun 2022 (2021: 3.6%).

**Carta 3.8** KPTB dan kadar pengangguran, Pulau Pinang, 2010-2022



**2.8%**  
Kadar pengangguran di **Pulau Pinang**, 2022




# GAJI & UPAH

## GAJI & UPAH MALAYSIA

### Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja

Bilangan penerima gaji & upah bulanan pada 2021 meningkat dengan kadar perlahan sebanyak 3.4 peratus kepada 9.7 juta orang (2020: 2.1%; 9.4 juta orang). Pada tempoh yang sama, penengah gaji & upah bulanan mencatatkan peningkatan sebanyak 9.1 peratus daripada RM2,062 kepada RM2,250. Begitu juga purata gaji & upah bulanan turut menunjukkan peningkatan daripada RM2,933 kepada RM3,037 (3.5%).

**Carta 3.9** Kerangka analisis gaji & upah bulanan, Malaysia, 2020-2021



Nota:

<sup>2</sup> Bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari atau sekurang-kurangnya 20 hari sebulan pada bulan rujukan

<sup>3</sup> Bekerja sekurang-kurangnya 1 jam semasa minggu rujukan dan bekerja kurang daripada 6 jam sehari atau 20 hari sebulan pada bulan rujukan

### Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina

Pada 2021, penengah gaji & upah bulanan yang diterima oleh pekerja lelaki adalah RM2,315 dan pekerja perempuan RM2,145, masing-masing meningkat sebanyak 10.6 peratus dan 6.2 peratus berbanding 2020. Purata gaji & upah bulanan pekerja lelaki menaik sebanyak 4.1 peratus kepada RM3,085. Begitu juga, purata gaji & upah bulanan bagi pekerja perempuan meningkat sebanyak 2.7 peratus kepada RM2,968 berbanding tahun sebelumnya.

**RM 3,037**  
Purata gaji & upah bulanan, 2021

**RM 2,250**  
Penengah gaji & upah bulanan, 2021

**9.7 juta**  
Bilangan penerima gaji & upah, 2021






**10.6%**  
Kadar pertumbuhan  
**penengah gaji & upah**  
bulanan bagi  
pekerja lelaki, 2021



**RM 5,550**  
Sektor pendidikan  
purata gaji & upah  
bulanan tertinggi, 2021

**Carta 3.10** Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, Malaysia, 2020-2021



### Gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri

Pada 2021, penengah gaji & upah bulanan tertinggi dicatatkan oleh pekerja dalam Pendidikan iaitu RM5,331 diikuti aktiviti kesihatan kemanusiaan & kerja sosial dengan RM4,193. Bagi purata gaji & upah bulanan pula, Pendidikan turut mencatatkan purata gaji & upah bulanan tertinggi iaitu RM5,550 diikuti Perlombongan dan pengkuarian (RM5,040).

**Carta 3.11** Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri<sup>4</sup>, Malaysia, 2020-2021

Industri	Penengah		Purata	
	2020	2021	2020	2021
Jumlah	2,062	2,250	2,933	3,037
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1,291	1,490	1,598	1,776
Perlombongan dan Pengkuarian	3,402	3,921	5,064	5,040
Pembuatan	1,908	1,976	2,542	2,606
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	2,784	2,993	3,596	3,401
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	2,073	2,067	2,571	2,650
Pembinaan	1,856	1,781	2,557	2,347
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	1,514	1,697	2,011	2,063
Pengangkutan dan penyimpanan	2,062	2,091	2,481	2,576
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,293	1,581	1,795	1,950
Maklumat dan komunikasi	3,547	3,754	4,310	4,346
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	3,273	3,330	4,221	3,949
Aktiviti hartanah	3,037	3,255	3,570	3,636
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	3,028	3,162	3,959	3,916
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	1,393	1,692	1,992	2,040
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial	3,761	3,929	4,146	4,313
Pendidikan	5,058	5,331	5,088	5,550
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	3,602	4,193	4,077	4,546
Kesenian, hiburan dan rekreasi	1,882	2,562	2,665	2,908
Aktiviti Perkhidmatan lain	1,593	1,735	2,124	2,016

<sup>4</sup> Industri dikelaskan mengikut piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 versi 1.0




### Gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri

Penengah dan purata gaji & upah bulanan menunjukkan peningkatan di kebanyakan negeri pada 2021. W.P. Putrajaya mencatatkan penengah dan purata gaji & upah bulanan tertinggi (penengah: RM3,837; purata: RM4,504) diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (penengah: RM3,054; purata: RM4,013) dan Selangor (penengah: RM2,884; purata: RM3,543).

**12.6%**  
Sarawak  
Kadar pertumbuhan purata gaji & upah bulanan tertinggi, 2021

**Carta 3.12** Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri, Malaysia, 2020-2021



**29.3%**  
Sarawak  
Kadar pertumbuhan penengah gaji & upah bulanan tertinggi, 2021

### GAJI & UPAH PULAU PINANG

#### Penemuan utama gaji & upah bulanan pekerja

Penemuan utama mendapati bilangan penerima gaji & upah bulanan pada tahun 2021 di Pulau Pinang adalah sebanyak 600.2 ribu orang iaitu menurun 2.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Penengah gaji & upah bulanan telah meningkat kepada RM2,353 berbanding RM2,082 iaitu menaik pada kadar positif 13.0 peratus, manakala purata gaji & upah bulanan turut meningkat iaitu positif 6.8 peratus kepada RM3,080 berbanding RM2,883 pada tahun 2020.

**Jadual 3.11 Gaji & upah bulanan, Pulau Pinang, 2015-2021**

	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Bilangan Penerima ('000)	556.2	555.8	565.6	566.2	586.7	613.6	600.2
Penengah (RM)	1,900	2,000	2,160	2,215	2,346	2,082	2,353
Purata (RM)	2,414	2,603	2,672	2,811	3,022	2,883	3,080

### Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina

Bilangan penerima gaji & upah bulanan bagi pekerja perempuan Pulau Pinang merekodkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 0.5 peratus (267.9 ribu orang) manakala lelaki menurun 4.2 peratus (332.4 ribu orang) pada tahun 2021. Penengah gaji & upah bulanan bagi perempuan naik dua angka iaitu 16.3 peratus (RM2,267) berbanding pada tahun 2020. Manakala, penengah lelaki naik 6.6 peratus (RM2,422). Sementara itu, purata gaji & upah bulanan pekerja lelaki dan perempuan masing-masing meningkat kepada RM3,151 (5.3%) dan RM2,991 (9.1%).

**Paparan 3.9 Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, Pulau Pinang, 2020- 2021**


**0.5%**  
Kadar pertumbuhan bilangan penerima gaji & upah bulanan **pekerja perempuan**, 2021



**RM 3,151**  
Purata gaji & upah bulanan **pekerja lelaki**, 2021



# STATISTIK SISWAZAH

## STATISTIK SISWAZAH MALAYSIA

### Statistik utama siswazah

Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Malaysia meningkat sebanyak 4.7 peratus mencatatkan 5.61 juta orang berbanding tahun 2020 dengan 5.36 juta orang seperti pada Carta 3.13.

Bilangan siswazah dalam tenaga buruh yang merangkumi siswazah bekerja dan menganggur, naik 4.6 peratus kepada 4.77 juta orang (2020: 4.56 juta orang). Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) kekal seperti tahun sebelumnya iaitu pada 85.0 peratus.


Manakala bagi siswazah bekerja, meningkat sebanyak 5.0 peratus berbanding tahun 2020 mencatatkan 4.57 juta orang (2020: 4.35 juta orang). Sebaliknya, kadar pengangguran siswazah berkurang kepada 4.1 peratus berbanding 4.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

**5.6 juta**  
Bilangan siswazah  
Malaysia, 2021



**85.0%**  
Kadar penyertaan  
tenaga buruh siswazah  
Malaysia, 2021

**Carta 3.13** Statistik utama siswazah, Malaysia, 2020-2021




**77.4%**  
Siswazah bekerja  
berada dalam **sektor  
Perkhidmatan**, 2021



**RM 4,582**  
**Purata** gaji & upah  
bulanan  
siswazah di  
Malaysia, 2021

Dari perspektif aktiviti ekonomi, siswazah bekerja dalam sektor Perkhidmatan meliputi 77.4 peratus (3.54 juta orang) daripada keseluruhan siswazah bekerja. Manakala sektor Pembuatan menyumbang sebanyak 13.7 peratus (627.8 ribu orang), diikuti sektor Pembinaan, 6.0 peratus (275.3 ribu orang). Pada masa yang sama, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 2.1 peratus (95.5 ribu orang) dan 0.8 peratus (35.5 ribu orang) seperti pada Paparan 3.10.

**Paparan 3.10** Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2021 ('000)



**Statistik gaji & upah siswazah, Malaysia**

Dari segi gaji & upah bulanan siswazah, penengah dan purata gaji & upah pada tahun 2021 masing-masing adalah sebanyak RM3,911 dan RM4,582. Penengah gaji & upah bulanan meningkat 2.5 peratus berbanding tahun 2020 (RM 3,815). Selain itu, purata gaji & upah juga naik 2.1 peratus kepada RM4,582.

Peningkatan purata dan penengah gaji & upah siswazah ini seiring dengan peningkatan umur yang mana siswazah yang berumur 45 tahun dan ke atas menerima penengah dan purata gaji & upah tertinggi iaitu sebanyak RM6,433 dan RM7,017. Selain itu, siswazah berumur 24 tahun dan ke bawah menerima penengah dan purata gaji & upah yang terendah iaitu sebanyak RM1,590 dan RM1,984 seperti pada Paparan 3.11.

**Paparan 3.11** Statistik gaji & upah siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2020-2021





Perbandingan mengikut jantina menunjukkan siswazah lelaki menerima gaji & upah bulanan lebih tinggi berbanding siswazah perempuan. Penengah gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,034 manakala perempuan menerima RM3,680. Sementara itu, purata gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,973 berbanding RM4,215 yang diterima oleh siswazah perempuan (Paparan 3.12).

**RM 4,034**  
**Penengah gaji & upah bulanan siswazah lelaki di Malaysia, 2021**


**Paparan 3.12 Statistik gaji & upah siswazah mengikut jantina, Malaysia, 2020-2021**



Penengah gaji & upah bulanan bagi semua sektor menunjukkan pertumbuhan positif berbanding tahun 2020. Siswazah dalam sektor Perkhidmatan mengalami pertambahan gaji & upah tertinggi sebanyak 2.3 peratus kepada RM4,128 (2020: RM4,037), diikuti sektor Pembuatan yang meningkat 1.4 peratus kepada RM3,072 (2020: RM3,029). Penengah gaji & upah bulanan siswazah di sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus kepada RM2,404 (2020: RM2,374) manakala sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan 0.9 peratus kepada RM3,284 (2020: RM3,254). Meskipun mencatatkan gaji & upah tertinggi, sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan peningkatan marginal sebanyak 0.2 peratus kepada RM5,586 (2020: RM5,576). Sementara itu, purata gaji & upah bulanan diterima oleh siswazah di semua sektor ekonomi turut meningkat berbanding tahun sebelumnya (Paparan 3.13).

**RM 7,247**  
**Sektor Perlombongan dan pengkuarian purata gaji dan upah tertinggi, 2021**

**Paparan 3.13 Statistik gaji & upah siswazah mengikut aktiviti ekonomi, Malaysia, 2020-2021**



## STATISTIK SISWAZAH PULAU PINANG

**365.8** ribu

Bilangan siswazah  
Pulau Pinang, 2021




**301.6** ribu

Bilangan tenaga buruh  
siswazah Pulau  
Pinang, 2021

### Statistik utama siswazah

Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Pulau Pinang adalah seramai 365.8 ribu orang, meningkat 1.2 peratus daripada 361.4 ribu orang pada tahun 2020. Dari jumlah tersebut, tenaga buruh siswazah adalah 301.6 ribu orang, meningkat 0.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 300.8 ribu orang). Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) adalah 82.5 peratus, turun 0.8 mata peratus berbanding 83.2 peratus pada tahun 2020 seperti Carta 3.14.

**Carta 3.14** Statistik utama siswazah, Pulau Pinang, 2020-2021




Seramai 294.4 ribu orang siswazah bekerja di Pulau Pinang pada tahun 2021 dengan kadar pertumbuhan tahunan 0.3 peratus (2020: 293.5 ribu orang). Sementara itu, penganggur siswazah adalah seramai 7.2 ribu orang (2020: 7.3 ribu orang). Kadar pengangguran siswazah di Pulau Pinang pada tahun 2021 kekal pada 2.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Siswazah luar tenaga buruh pula merangkumi 17.5 peratus daripada jumlah siswazah di Pulau Pinang iaitu seramai 64.2 ribu orang pada tahun 2020, meningkat 5.9 peratus daripada 60.6 ribu orang pada tahun sebelumnya.

Perbandingan mengikut jantina di Pulau Pinang menunjukkan komposisi siswazah didominasi oleh perempuan dengan sumbangan 54.5 peratus (199.3 ribu orang) manakala siswazah lelaki merangkumi 45.5 peratus (166.5 ribu orang) pada tahun 2021. Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah lelaki adalah 88.7 peratus manakala siswazah perempuan adalah 77.3 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah perempuan lebih rendah iaitu 1.8 peratus berbanding lelaki 3.0 peratus (Carta 3.15).



**Carta 3.15** Statistik utama siswazah mengikut jantina, Pulau Pinang, 2021



**-5.2%**  
Penyusutan tenaga buruh lelaki, 2021



Dari segi bilangan tenaga buruh siswazah mengikut jantina, seramai 154.0 ribu siswazah perempuan direkodkan pada tahun 2021, meningkat 6.2 peratus daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, tenaga buruh siswazah lelaki mencatatkan pengurangan 5.2 peratus kepada 147.6 ribu orang.

Siswazah bekerja lelaki di Pulau Pinang adalah seramai 143.2 ribu orang, lebih rendah berbanding siswazah bekerja perempuan (151.2 ribu orang). Sebaliknya, komposisi penganggur siswazah mendapati penganggur lelaki merangkumi hanya 3.0 peratus atau 4.4 ribu orang, lebih tinggi berbanding penganggur siswazah perempuan iaitu seramai 2.7 ribu orang. Melihat kepada siswazah luar tenaga buruh pula, didapati bilangan siswazah perempuan luar tenaga buruh meningkat 10.6 peratus kepada 45.3 ribu orang manakala siswazah lelaki merekodkan penurunan 3.9 peratus kepada 18.8 ribu orang.

**RM 4,330**  
Purata gaji & upah siswazah di Pulau Pinang, 2021

**Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Pulau Pinang, 2021**

Secara keseluruhannya, purata gaji & upah bulanan siswazah di Pulau Pinang pada tahun 2021 adalah RM4,330 lebih tinggi dari tahun 2020 iaitu RM4,245. Sementara itu, penengah gaji & upah bulanan siswazah pula adalah RM3,613 pada tahun 2021 meningkat dari RM3,485 pada tahun sebelumnya (Jadual 3.12).

**Jadual 3.12** Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Pulau Pinang, 2020-2021

Gaji & upah	Jumlah	
	2020 <sup>e</sup>	2021 <sup>f</sup>
Purata gaji (RM)	4,245	4,330
Penengah gaji (RM)	3,485	3,613





# PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

RM **6,502**

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Pulau Pinang, 2022

RM **7,247**

**Barat Daya** pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi, 2022

**1.8%**

Kadar pertumbuhan tahunan pendapatan kasar isi rumah bulanan penengah antara tahun 2019-2022

## PENDAPATAN ISI RUMAH

### Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Pulau Pinang telah meningkat kepada RM6,502 pada tahun 2022 berbanding RM6,169 pada tahun 2019 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 1.8 peratus.


### Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah mengikut daerah pentadbiran

Daerah Barat Daya mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi iaitu RM7,247 pada 2022 (2019: RM6,576) diikuti Timur Laut RM6,714 (2019: RM6,902). Daerah lain merekodkan pendapatan di bawah paras pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah negeri iaitu RM6,502. Daerah tersebut adalah Seberang Perai Selatan RM6,231 (2019: RM5,797), Seberang Perai Tengah RM6,220 (2019: RM5,849) dan Seberang Perai Utara RM6,103 (2019: RM5,566). Daerah Barat Daya mencatatkan peningkatan tertinggi kadar pertumbuhan tahunan bagi pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah iaitu 3.2 peratus diikuti Seberang Perai Utara kedua tertinggi (3.1%) antara tempoh 2019 hingga 2022.





**Carta 3.16** Pendapatan penengah isi rumah dan purata pertumbuhan tahunan mengikut daerah pentadbiran, Pulau Pinang, 2019 dan 2022



### Ketaksamarataan Pendapatan

Nilai pekali Gini meningkat kepada 0.371 pada tahun 2022 daripada 0.359 pada tahun 2019. Ini menunjukkan ketidakseimbangan agihan pendapatan isi rumah di Pulau Pinang semakin melebar.

### Taburan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan

Pembahagian isi rumah mengikut kumpulan pendapatan pula menunjukkan isi rumah T20 di Pulau Pinang pada tahun 2022 menerima pendapatan penengah sebanyak RM15,524 manakala isi rumah M40 (RM7,642) dan isi rumah B40 (RM3,680).

### Kemiskinan


Pada tahun 2019, nilai Pendapatan Garis Kasar (PGK) bagi Malaysia telah disemak semula berdasarkan keperluan semasa. Semakan ini menekankan kepada pengambilan makanan yang optimum dan sihat serta keperluan asas bukan makanan yang berkualiti.

Nilai purata PGK Pulau Pinang pada tahun 2022 ialah RM2,250 sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah RM1,036 sebulan dengan purata saiz isi rumah seramai 3.4 orang.

Insiden kemiskinan mutlak di Pulau Pinang meningkat daripada 1.9<sup>5</sup> peratus pada 2019 kepada 2.0 peratus. Pada masa yang sama insiden kemiskinan di bandar dan luar bandar masing-masing adalah 1.9 peratus dan 3.5 peratus. Sementara itu, peratusan kemiskinan tegar kekal sebanyak 0.1 peratus pada tahun 2019 dan 2022. Nilai kemiskinan relatif pada 2022 pula adalah 15.3 peratus berbanding 13.2<sup>5</sup> peratus pada tahun 2019.

### Paparan 3.12

Agihan pendapatan dan pendapatan isi rumah penengah mengikut kumpulan isi rumah desil, Pulau Pinang, 2022



Petunjuk:

- Agihan pendapatan
- Pendapatan isi rumah penengah

<sup>5</sup>Disemak semula berdasarkan metodologi PGK 2019

## PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

“  
**RM5,322**  
 Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Pulau Pinang, 2022  
 ”



“  
**4.5%**  
 Purata pertumbuhan tahunan  
 ”

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Pulau Pinang meningkat daripada RM4,651 pada tahun 2019 kepada RM5,322 pada tahun 2022 dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 4.5 peratus.

Pola perbelanjaan isi rumah boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor berdasarkan keutamaan keperluan dan saiz sesebuah isi rumah tersebut. Di kebanyakan negara, kumpulan barangan keperluan asas biasanya mendominasi perbelanjaan isi rumah. Situasi yang sama juga berlaku di Pulau Pinang, Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (24.8%), Restoran & perkhidmatan penginapan (20.5%), Makanan & minuman (13.4%) dan Pengangkutan (8.7%). Keempat-empat kumpulan ini merangkumi 67.4 peratus daripada keseluruhan komposisi perbelanjaan. Terdapat empat kumpulan yang menunjukkan peningkatan dalam komposisi perbelanjaan pada tahun 2022 berbanding 2019 iaitu Restoran dan perkhidmatan penginapan (5.9 mata peratus), Hiasan perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (1.1 mata peratus), Insurans & perkhidmatan kewangan (0.6 mata peratus) dan Kesihatan (0.3 mata peratus). Di samping itu, sembilan kumpulan yang lain menunjukkan penurunan komposisi perbelanjaan pada tahun 2022 berbanding 2019 iaitu kumpulan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (-3.1 mata peratus), Pengangkutan (-1.7 mata peratus), Makanan & minuman (-1.4 mata peratus), Maklumat & komunikasi (-0.6 mata peratus), Kumpulan Rekreasi, sukan & kebudayaan dan Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan masing-masing -0.5 mata peratus manakala Minuman alkohol & tembakau (-0.4 mata peratus), Perkhidmatan pendidikan (-0.3 mata peratus) dan Pakaian & kasut (-0.3 mata peratus).

**Carta 3.17** Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah, Pulau Pinang, 2019 dan 2022






### Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran pula merekodkan perbelanjaan tertinggi di daerah Barat Daya dan terendah di daerah Seberang Perai Utara. Secara perbandingan, dua daerah pentadbiran yang mencatatkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata melebihi paras negeri adalah Barat Daya (RM6,003) dan Timur Laut (RM5,890).

**Carta 3.18** Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran, Pulau Pinang, 2022



**24.8%**  
Perbelanjaan utama 2022  
**Perumahan, air,  
elektrik,  
gas dan bahan api**

**Dua Daerah**  
Mencatatkan perbelanjaan  
penggunaan isi rumah  
bulanan purata melebihi  
paras negeri

**RM 6,003**  
**Daerah Barat Daya**  
perbelanjaan penggunaan  
isi rumah bulanan  
purata tertinggi, 2022